

# Adat Bumiputera & Umur Boleh Kahwin



## ADAT BUMIPUTERA

Setiap Kaum Pribumi mempunyai adat tersendiri yang pada asalnya disampaikan secara lisan dari generasi ke generasi bagi mentadbir komuniti mereka, yang mana ia ditetapkan dan diurus secara tradisional oleh mereka sendiri. Adat-adat ini merupakan sebahagian daripada budaya dan identiti setiap kaum dan wujud lebih awal daripada pembentukan Malaysia.

Adat-adat ini diiktiraf sebagai suatu sistem perundangan dalam perjanjian yang membentuk negara pada tahun 1963 dan juga telah wujud semasa era Raja Brooke serta pada tempoh pentadbiran British.

Sejak tahun 1977, Majlis Adat Istiadat Sarawak (MAIS) telah diberi tanggungjawab untuk mengekodkan pelbagai adat, menyemak secara berkala, dan apabila difikirkan wajar oleh mereka, mencadangkan kepada Kerajaan Negeri sebarang penghapusan sekiranya adat tersebut dianggap mendatangkan kemudaran kepada kemajuan mana-mana komuniti pribumi. Misi MAIS ialah untuk memelihara, mempromosi dan menyebarkan adat, dan pada masa kini mereka berada di bawah pejabat Premier Sarawak.

Sebarang pertikaian dalam sesuatu komuniti berhubung pematuhan kepada adat pribumi akan didengar oleh Mahkamah Bumiputera Sarawak. Pada tahun 2022, satu pelan induk telah disediakan untuk Kerajaan Negeri bagi meningkatkan dan memperkukuh sistem mahkamah ini, dan perundangan yang membolehkannya masih menunggu kelulusan.



## UMUR

Tiada mana-mana adat yang menetapkan had umur bagi perkahwinan kerana secara tradisionalnya, umur tidak direkodkan atau dihitung.

## Tujuan Projek

Bagi memudah cara perbincangan dalam komuniti pribumi berhubung perkahwinan individu di bawah umur 18 tahun untuk memahami pandangan mereka dalam konteks budaya Sarawak; meningkatkan kesedaran tentang risiko terhadap kanak-kanak; serta menilai sama ada wujud kesediaan untuk menyesuaikan undang-undang adat (adat) agar selaras dengan Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak Kanak-Kanak.

## Format

Tiga bengkel separuh hari – untuk (i) wanita, (ii) belia (lelaki dan perempuan) dan (iii) pemimpin pribumi – telah diadakan di lima lokasi berbeza bagi merakam pandangan daripada pelbagai komuniti etnik di seluruh Sarawak. Wakil daripada kumpulan wanita dan belia berkongsi perspektif mereka dengan pemimpin negeri dari kawasan masing-masing. Laporan yang terhasil daripada bengkel ini telah dibentangkan kepada pemimpin pribumi di Kuching pada Januari 2026 dalam satu sesi perbincangan meja bulat.

## Populasi

KAUM PRIBUMI SARAWAK<sup>1</sup>

Iban	- 725,400
Bidayuh	- 209,900
Orang Ulu	- 162,000
Melanau	- 130,100



## ANGGAPAN

Secara tradisional, perempuan dianggap layak berkahwin apabila telah mencapai kematangan yang membolehkan mereka melaksanakan peranan sebagai ibu dan mengurus rumah tangga, manakala lelaki apabila telah mempunyai keupayaan untuk menanggung dan menyara keluarga.

## RISIKO

- Kesihatan Fizikal: lebih banyak komplikasi semasa kehamilan dan bersalin. Risiko kematian bayi lebih tinggi.
- Kesihatan Emosi: pengasingan daripada rakan sebaya dan aktiviti biasa remaja; tekanan dalam hubungan dan kesukaran ekonomi boleh membawa kepada kemurungan.
- Peningkatan Risiko Keganasan Rumah Tangga: perbezaan kuasa, tekanan, dan tahap kematangan yang rendah untuk menangani situasi meningkatkan kerentanan terhadap penyalahgunaan. Keganasan juga boleh diarahkan kepada bayi.
- Peluang Pendidikan dan Peluang Hidup Terjejas: ramai gadis berhenti sekolah dan menjadi ibu pada usia muda.
- Tersangkut dalam Kemiskinan: menanggung kos tambahan membesarkan anak dan menghadapi kesukaran untuk memperoleh pekerjaan yang berpendapatan.
- Perkahwinan Awal Boleh Menyebabkan Perceraian Awal.



## Konvensyen Hak Kanak-Kanak (CRC)

Jawatankuasa PBB mengenai Hak Kanak-Kanak menganggap perkahwinan di bawah umur 18 tahun sebagai pelanggaran terhadap artikel-artikel berikut:

- Perlindungan daripada Amalan Berbahaya (Artikel 24.3)
- Kepentingan Terbaik Kanak-Kanak (Artikel 3)
- Hak untuk Dilindungi (Artikel 19)
- Hak kepada Pendidikan dan Kesihatan (Artikel 24 & 28)
- Hak untuk Didengar (Artikel 12)

## Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW)

Di bawah Artikel 16:


- Ketidaksahihan Perkahwinan dan Pertunangan Kanak-Kanak serta Persetujuan Bebas dan Penuh – kanak-kanak dianggap tidak mampu memberi persetujuan ini.
- Keperluan Umur Minimum – kemudiannya, Cadangan Umum Bersama Bilangan 31 (2014) menetapkan umur minimum 18 tahun bagi kedua-dua jantina. Hanya dalam keadaan luar biasa boleh ditetapkan pada umur 16 tahun, dan hanya apabila seorang hakim telah menilai kematangan dan persetujuan mereka.

Malaysia telah menandatangani kedua-dua Konvensyen tersebut dan dijangka berusaha ke arah pelaksanaan untuk mengakhiri perkahwinan di bawah umur 18 tahun.



Langkah Jangka Pendek dan Jangka Panjang yang Digariskan untuk Menangani Punca Perkahwinan Kanak-Kanak yang Diiktiraf

- Pendapatan Isi Rumah Rendah & Kemiskinan.
- Kekurangan Akses kepada Pendidikan Kesihatan Seksual dan Reprodktif (SRHE) & Kemahiran Keibubapaan.
- Kekurangan Akses kepada Pendidikan & Kehadiran Sekolah yang Lemah.
- Stigma & Norma Sosial yang Melihat Perkahwinan Kanak-Kanak sebagai Penyelesaian Masalah.
- Undang-Undang Longgar yang Membenarkan Perkahwinan di Bawah Umur 18 Tahun.



UNICEF menekankan bahawa kanak-kanak yang tidak mempunyai dokumen dan yang tidak mempunyai kewarganegaraan berisiko tinggi menghadapi perkahwinan kanak-kanak.

## Peserta

12

kaum etnik terlibat

- Iban
- Bidayuh
- Orang Ulu termasuk: Berawan, Bisaya, Kayan, Kenyah, Kelabit, Lun Bawang, Lakiput, Penan, Sa'ban, Tagal



167

perempuan

- 14 Ketua Komuniti
- 57 belia
- 96 ahli komuniti




128

lelaki

- 91 Ketua Komuniti
- 37 belia

## Perwakilan Etnik

- Iban 45.6%
- Bidayuh 15.9%
- Orang Ulu 36.8%
- Kaum Pribumi Campuran 1.7%
- Kaum Pribumi Campuran 1.7%



## Lokasi





## ISU-ISU

- Perkahwinan awal lazimnya berpunca daripada kehamilan, dan kurang didorong oleh usaha untuk mengurangkan beban kewangan keluarga atau melarikan diri daripada kemiskinan.
- Perkahwinan adat tempatan yang diatur dilihat sebagai satu bentuk “penyelesaian” antara pasangan kekasih yang saling bersetuju bagi mengelakkan pendakwaan terhadap teman lelaki atas hubungan intim secara seksual.
- Datuk dan nenek sering menjadi penjaga utama bayi hasil kehamilan awal.
- Ibu bapa muda berisiko berpisah awal, membentuk hubungan baharu dan mengalami kehamilan tidak dirancang berulang.
- Keciciran sekolah berkait dengan kemiskinan, kehamilan, dan pergaulan bebas. Walaupun kerajaan negeri menggalakkan remaja hamil meneruskan pendidikan, stigma sosial menghalang penyertaan berterusan.
- Kanak-kanak tanpa dokumen menghadapi halangan dalam perkahwinan sivil dan akses pekerjaan, manakala perkahwinan adat masih diamalkan.
- Jurang komunikasi keluarga semakin ketara, dengan kelemahan dalam penyampaian dan penerimaan nasihat antara ibu bapa dan anak.
- Perbincangan antara generasi mengenai hubungan dan kesihatan serta hak reproduktif seksual (SRH) terhad akibat norma budaya, rasa malu dan pantang larang.
- Media sosial menjadi sumber maklumat utama dan mempengaruhi tingkah laku remaja, sementara pengawasan ibu bapa berkurangan.
- Kes pemujukan (grooming) berlaku dalam dan luar talian.
- Pergaulan tanpa batasan meningkat apabila ibu bapa sibuk atau remaja bersekolah jauh dari keluarga.
- Masalah keluarga dan kekurangan sokongan emosi meningkatkan risiko hubungan intim awal dan pendedahan kepada dadah.
- Tekanan pelbagai faktor menyumbang kepada percubaan bunuh diri, manakala stigma mendorong sebahagian ibu muda meninggalkan bayi.

Secara kolektif, komuniti Bumiputera Sarawak memohon MAIS untuk mempertimbangkan mengemukakan cadangan kepada Kerajaan Negeri agar umur minimum perkahwinan ditetapkan, memandangkan ketiadaan pendirian dasar pada masa ini memberi kesan negatif.

Tiada Perubahan



Setiap kumpulan etnik perlu menilai semula adat perkahwinan masing-masing apabila adat tersebut dikaji atau disemak oleh MAIS.

*Laluan tindakan yang berpotensi dikenal pasti*



*Langkah-langkah perlu diambil untuk menangani punca-punca asas perkahwinan awal*

## IDEA

### Golongan Wanita

- Ibu bapa menjadi pendengar anak, mengamalkan gaya demokratik, bukan autoritarian.
- Didik anak mengenai risiko ibu bapa muda dan ibu bapa tunggal.
- Sediakan pendidikan awal, bimbingan ibu bapa, dan penambahbaikan undang-undang.
- Ajar kemahiran hidup dan hak kanak-kanak serta risiko perkahwinan awal.
- Ibu bapa menjadi teladan baik.
- Lelaki yang menghamili remaja bertanggungjawab sepenuhnya.
- Perketatkan undang-undang media sosial.
- Sijil perkahwinan tidak hanya disahkan ketua kampung; syarat lebih ketat diperlukan.
- Tetapkan umur minimum perkahwinan 18 tahun ke atas.

### Golongan Belia

- Jangan menganggap masalah remaja sebagai “tingkah laku buruk”, sebaliknya tawarkan bantuan konstruktif.
- Sediakan ruang untuk remaja berkomunikasi secara terbuka mengenai masalah mereka.
- Semua pihak perlu bekerjasama mengekang perkahwinan awal.
- Berikan pendidikan awal tentang kesan dan keburukan perkahwinan awal.
- Tubuhkan klub ibu bapa penyayang di peringkat komuniti atau sekolah untuk saling menyokong dalam mendidik anak.
- Pencegahan, kesedaran dan sokongan komuniti penting supaya remaja membuat keputusan berkahwin dengan bijak.
- Kekalkan dialog berterusan antara remaja, orang dewasa dan pemimpin untuk mengubah sikap dan menyokong belia.
- Orang dewasa harus prihatin terhadap perkahwinan awal supaya remaja lebih berhati-hati.
- Hentikan amalan ritual untuk ‘membersihkan’ tabu perkahwinan antara saudara terdekat.
- Tetapkan umur minimum perkahwinan bagi melindungi remaja.

### Ketua-Ketua Kaum

- Pemimpin komuniti dan adat perlu menyampaikan maklumat sepenuhnya mengenai kebaikan dan keburukan perkahwinan awal kepada masyarakat.
- Adakan perbincangan di peringkat kampung atau komuniti supaya masyarakat memahami isu secara menyeluruh.
- Berikan bimbingan di rumah panjang mengenai keibubapaan generasi muda kini.
- Sediakan kesedaran awal tentang risiko dan implikasi kehamilan bawah umur kepada kanak-kanak dan remaja awal.
- Pastikan golongan sasaran menerima maklumat secara tepat dan menyeluruh.
- Isu ini perlu ditangani di seluruh komuniti, sama ada di kawasan luar bandar atau bandar.
- Sekolah, PIBG, pemimpin komuniti dan badan agama digalakkan memainkan peranan pencegahan dengan mendidik dan membimbing anak sejak awal.
- Sekolah digalakkan bekerjasama dengan agensi luar termasuk institusi agama, NGO dan jabatan kerajaan mengenai perkahwinan, hubungan dan tanggungjawab peribadi.
- Berikan taklimat kepada pelajar yang belum menamatkan Tingkatan 5.
- Jalankan kaji selidik atau temubual dengan pasangan remaja hamil bagi memahami situasi dan punca kes.
- Semak semula dasar dan adat supaya selaras dengan perkembangan semasa.
- Perketatkan peraturan dan undang-undang adat sedia ada, termasuk melarang perkahwinan bawah umur.



- Peserta menekankan bahawa isu perkahwinan awal perlu ditangani dengan segera dalam kerangka adat Orang Asal, bagi melindungi remaja perempuan dan lelaki supaya perkembangan dan masa depan mereka tidak terjejas.
- Langkah pencegahan perlu dilaksanakan, selari dengan semakan dan pengemaskinian undang-undang adat.

- Memperkukuh pendidikan kesihatan dan hak reproduktif seksual (SRH) termasuk persetujuan, hubungan sihat, risiko kehamilan/perkahwinan awal, dan keselamatan dalam talian dan luar talian.
- Meningkatkan kemahiran ibu bapa dalam komunikasi dan keibubapaan untuk mendidik remaja secara berkesan.
- Menyediakan bantuan menyeluruh supaya kanak-kanak/ remaja terus bersekolah hingga Tingkatan 5, termasuk sokongan kewangan, akses pendidikan, dan penyertaan untuk semua Orang Asal tanpa dokumen.
- Menggalakkan kaunseling atau “sweetheart defence” bagi pasangan remaja yang saling bersetuju untuk mengurangkan risiko pendakwaan atau stigma.
- Meningkatkan kesedaran tentang tanda-tanda penderaan seksual kanak-kanak serta mekanisme melaporkan kejadian.

<sup>1</sup> Maklumat dalam laporan ini diambil daripada Statistik Demografi Malaysia suku ketiga 2025.

<https://www.dosm.gov.my/portal-main/release-content/demographic-statistic-malaysia-third-quarter>

Majoriti orang Melanau beragama Islam dan tertakluk kepada Undang-undang Syariah, manakala projek ini memberi tumpuan kepada kumpulan Bumiputera Sarawak lain, walaupun terdapat bilangan signifikan Melanau bukan Islam yang tertakluk kepada adat Melanau yang telah ditulis dan disemak oleh MAIS.